

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Panel to discuss pollution issues</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Tiga premis dikompaun</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Akta alam sekitar lompong</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Manusia ingin hidup di bulan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
5.	<u>Astronaut urges teachers to get more students interested in Science</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 5
6.	<u>'Seorang di bot, dua atas pontun'</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 6
7.	<u>Polis belum buat sebarang tangkapan</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Cultural and Spiritual Transformation Needed</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 8



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
9.	<u>Tanah runtuh ragut 13 nyawa di China</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Eropah sekali lagi diancam gelombang haba</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
11.	<u>Teknologi penentu migrasi Kenya</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 11



LAMPIRAN 1
THE SUN DAILY: MUKA SURAT 4
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Panel to discuss pollution issue

JOHOR BARU: Continued integrated efforts to overcome river pollution in Johor will be among the issues raised when the State Permanent Committee on Environment meets on Sunday.

Johor Department of Environment (DoE) director Wan Abdul Latiff Wan Jaafar said the government took a serious view of the issue, and measures and action plans to overcome the problem would be discussed.

"What is important is integrated action by the various relevant government agencies to overcome river pollution," he said yesterday.

Apart from the DoE, various other agencies will be attending the meeting, to be chaired by Tan Chen Choon, the state executive councillor in charge of the Local Government, Urban Wellbeing and Environment.

Another meeting to discuss the issue of garbage dumping sites, including illegal ones, will also be held, Abdul Latiff said. – Bernama

LAMPIRAN 2
SINAR HARIAN (TENGAH): MUKA SURAT 35
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Tiga premis dikompaun

JAS Pahang keluarkan 10 kompaun berjumlah RM20,000

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengeluarkan 10 kompaun dengan jumlah keseluruhan RM20,000 membabitkan tiga premis yang melanggar Peraturan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di sini.

Pengarahnya, Rosli Zul berkata, jumlah tersebut hasil pemeriksaan terhadap lima lokasi berpotensi sempena Operasi Bersepadu Lokasi-Lokasi Berpotensi sebagai Tapak Pelupusan Bahan Berbahaya di daerah tersebut.

Menurutnya, beberapa kesalahan dikesan daripada premis terbabit antaranya tiada pelabelan, menempatkan bekas-bekas yang mengandungi bahan buangan terjadual di tempat terbuka dan tumpahan minyak di atas tanah.

"Kita akan mengeluarkan sekurang-kurangnya 10 kompaun terhadap pengusaha-pengusaha premis terbabit. Selain kompaun, notis turut di-



Rosli (tengah) memberikan penjelasan ketika operasi bersepadu itu dijalankan.

keluarkan terhadap pengusaha terlibat di bawah Seksyen 31 dan 37 bagi kerja-kerja pembersihan dijalankan serta-merta.

"Hari ini (semalam) hari kedua operasi bersepadu dijalankan. Sebanyak 26 lokasi di daerah ini telah dikenalpasti daripada 86 lokasi seluruh Pahang yang berpotensi sebagai Tapak Pelupusan Bahan Berbahaya selepas Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) sebelum ini menyenaraikan 225 lokasi hasil cerapan agensi tersebut," katanya kepada pemberita semalam.

Operasi bersepadu itu turut disertai beberapa agensi lain iaitu Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Perbandaran Temerloh (MPT), Jabatan Perhutanan, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awal (SWCorp) dan polis.

Turut hadir, Ketua Cawangan JAS Temerloh, Siti Noriah Abu Bakar.

Dalam pada itu, Rosli berkata, JAS Pahang akan melakukan tindakan susulan untuk memastikan pengusaha terlibat melakukan penambahbaikan.

"Jika mereka masih gagal mematuhi arahan yang ditetapkan seperti tidak menjelaskan kompaun, tindakan undang-undang boleh dikenakan selain kita boleh mengesyorkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk menyemak semula pengeluaran lesen," katanya.

Antara lokasi yang diperiksa dalam operasi tersebut melibatkan bengkel penyelenggaraan kenderaan dan barang lusuh dan tapak pelupusan sisa dengan penglibatan 23 kakitangan daripada agensi-agensi terbabit.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 1 & 5
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



Pencemaran udara di Pasir Gudang

JAS gesa pinda akta alam sekitar

Undang-undang sedia ada longgar, kurang berkesan atasi masalah

Eksklusif

Oleh Mohamed Farid Noh farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) perlu meminda akta berkaitan alam sekitar supaya lebih relevan dengan keadaan semasa terutama selepas kes pembuangan sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim, Mac lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, mengakui akta berkaitan alam sekitar sedia ada mempunyai kelemahan dan kekurangan sehingga ia tidak menyelesaikan sepenuhnya isu pencemaran yang berlaku di dalam negara.

"Lebih utama, bencana sisa kimia berbahaya Sungai Kim Kim Mac lalu, mendedahkan bahawa JAS tiada bidang kuasa termasuk menyiasat atau mencerpah kehadiran gas kimia berbahaya di persekitaran Pasir Gudang.

"Sebenarnya pengukuran parameter termasuk gas kimia contohnya seperti acrolein tidak

terdapat dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, sekali gus merencanakan penguatkuasaan serta tindakan susulan yang JAS mahu ambil.

"Sudah tiba masanya MESTECC mengkaji semula peraturan yang sedia ada bagi memasukkan parameter pengukuran gas yang dikenali pasti di udara yang mampu mencetuskan gangguan kesihatan dan berbahaya jika ia melebihi daripada sukatan dibenarkan," katanya kepada BH.

Semalam BH melaporkan akta dan peraturan alam sekitar memabihkan perairan serta sungai di negara ini perlu dipinda dengan perundangan lebih tegas termasuk menetapkan hukuman serta denda lebih tinggi bagi menangani pencemaran kritikal terutama di Selat Johor.

Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan & Penerbitan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Madya Dr Norzila Othman,



Keratan akhbar BH semalam.

dilaporkan berkata, langkah itu lebih berkesan dalam menangani pencemaran kritikal berbanding merobohkan Tambak Johor yang perlu dijadikan pilihan terakhir.

Mengenai perancangan JAS Johor menangani pencemaran kritikal di Selat Johor, Wan Abdul Latiff berkata, Jawatankuasa Alam Sekitar Tetap Negeri Johor yang dipengerusikan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon, akan mengadakan mesyuarat pertama dalam masa terdekat.

Katanya, mesyuarat berkenaan akan menyelaras Jawatankuasa Kawalan Pencemaran Air, Kawalan

Pencemaran Udara dan Kawalan Pencemaran Sisa Terjadual/Sisa Toksik, yang akan dianggotai kesemua agensi awam berkaitan.

"EXCO dan saya akan pantau jawatankuasa berkenaan supaya memulakan gerak kerja mengawal pencemaran di negeri ini terutama di kawasan Pasir Gudang dan Selat Johor secara bersepadu.

"Kita akan mula mesyuarat pertama dalam masa terdekat untuk bantangkan bidang rujukan jawatankuasa dan senarai kan semua agensi terbabit termasuk undang-undang yang boleh dikuatkuasakan setiap agensi dan bidang kuasa mereka," katanya.



Lebih utama, bencana sisa kimia berbahaya Sungai Kim Kim Mac lalu, mendedahkan bahawa JAS tiada bidang kuasa termasuk menyiasat atau mencerpah kehadiran gas kimia berbahaya di persekitaran Pasir Gudang.

Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, Pengarah JAS Johor

LAMPIRAN 4 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 30 TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



Manusia ingin hidup di bulan

“Hasrat untuk membina penempatan atau koloni manusia di bulan sedang diusahakan. Ia hasil gabungan pakar-pakar termasuk roket, jurutera angkasa dan habitat manusia yang sedang direka bentuk di bumi.”

BUKAN mudah untuk memulakan sesuatu yang baharu kerana akan ada yang sangsi dan menentang. Beberapa hari lepas, manusia merayakan kejayaan menjejakan kaki ke bulan, satu pencapaian yang belum diulangi sehingga kini.

Betul ada yang menghantar kapal angkasa ke bulan, tetapi tanpa manusia. China pernah berbuat demikian. India baru sahaja menghantar kapal angkasa seberat 3.85 tan Chandrayaan-2, tanpa angkasawan membawa Vikram, yang akan mendarat di bulan nanti.

Ketika Presiden Amerika Syarikat (AS), John F. Kennedy mengungkapkan hasrat tersebut dalam satu perhimpunan raksasa di Stadium Rice University pada 12 September 1962 dengan dihadiri 40,000 orang, beliau mungkin menyampaikan sesuatu yang tersirat. Masakan tidak, Rusia atau ketika itu dikenali sebagai Kesatuan Soviet Sosialis Rusia (USSR) terlebih dahulu menghantar Yuri Gagarin mengorbit bumi pada 12 April 1961.

Namun, hasrat Kennedy itu tidak mengujakan semua orang di AS, malah tinjauan menunjukkan

Oleh **LAUPA JUNUS**
laupajunus@hotmail.com

58 peratus menolaknya. Hari yang ceria ketika Kennedy berucap itu nampaknya tidak menterjemahkan keceriaan beliau melontarkan cabaran.

Namun, semua akhirnya tahu pada 20 Julai 1969 Neil Armstrong bersama Michael Collins dan Edwin E. 'Buzz' Aldrin mencipta sejarah manusia mendarat di bulan. Selaku ketua misi kapal angkasa Apollo 11, Armstrong merupakan manusia pertama menjejakan kaki ke bulan.

Kumpulan tersebut sebenarnya berlepas ke angkasa lepas pada 16 Julai 1969. Armstrong memandu Lunar Module ke permukaan bulan pada 20 Julai 1969 dan mendarat bersama Aldrin manakala Collins berada dalam kapal angkasa.

PENEROKAAN ANGKASA LEPAS

Semasa keluar dari modul tersebut pada pukul 10.56 malam, Armstrong berkata, itu merupakan satu langkah kecil manusia, tetapi merupakan satu lonjakan kepada kemanusiaan. Selama kira-kira dua setengah jam, Armstrong dan Aldrin mengutip sampel dan menjalankan eksperimen serta merakam gambar. Malaysia

khabarkanya turut diberi sampel dari bulan itu.

Sejarah ini semua diketahui manusia dan susulan itu banyak kemajuan dicapai oleh manusia dalam bidang penerokaan angkasa lepas yang memberi manfaat kepada bidang sains angkasa.

Misi ke bulan bukan semata-mata mahu menjejakan kaki ke sana, sekurang-kurangnya itu yang tersirat daripada ucapan Kennedy bahawa manusia mengorak langkah ke kawasan baharu untuk ilmu baharu yang akan diperoleh. Katanya lagi, ada hak untuk dituntut dan dimenangi untuk manfaat manusia.

“Bagi sains angkasa sama seperti sains nuklear dan semua teknologi tidak memberi gambaran tentang sesuatu sama ada ia memberi kebaikan atau keburukan kerana ia bergantung kepada manusia. Angkasa boleh diteroka tanpa mencetuskan peperangan dan tanpa mengulangi kesilapan,” kata Kennedy.

Justeru, ucapan Kennedy bolehlah dianggap sebagai inspirasi dan harapan untuk menggerakkan manusia ke bulan menerusi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (Nasa).

Nasa menurut pakar astrofizik tempatan, **Datuk Dr. Mazlan Othman** memulakan projek tersebut dan melakukan lebih banyak penerokaan ke angkasa

GAMBAR menunjukkan cadangan pembinaan penempatan manusia di bulan.

LAMPIRAN 4 (SAMB.) UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 31 TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

lepas. Malah, ramai tidak mengetahui banyak produk dan inovasi hari ini berpunca daripada projek ke angkasa lepas. "Manusia juga telah menghantar kapal angkasa robot ke Marikh sebagai usaha untuk meneroka Planet Merah. Malah, sebelum ke Marikh ada yang berpendapat bahawa manusia sepatutnya berlepas dari bulan jika ingin ke planet berkenaan kerana gravitinya yang rendah lebih memudahkan," ujarnya.

Usaha tersebut bertujuan meninjau kemungkinan terdapat kehidupan di situ yang boleh memberi harapan kepada manusia memulakan penempatan baharu.

Hasrat untuk membina penempatan atau koloni manusia di bulan sedang diusahakan. Ia hasil gabungan pakar-pakar termasuk roket, jurutera angkasa dan habitat manusia yang sedang direka bentuk di bumi oleh sebuah syarikat dengan kerjasama Agensi Angkasa Eropah (ESA) dan Massachusetts Institute of Technology (MIT). Bagi tujuan tersebut, banyak cabaran yang perlu ditangani berkenaan angkasa lepas termasuk graviti rendah di bulan, sinaran dari angkasa dan keperluan asas manusia atau sumber hidup mereka di sana.

Rumah yang dicadangkan itu ibarat sebuah khemah atau pod bertekanan tinggi kerana persekitaran bulan yang sebegitu rupa.

Banyak eksperimen perlu dijalankan bagi membolehkan hasrat tersebut menjadi kenyataan antaranya bagaimana manusia boleh hidup lama di bulan. Sekiranya di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) semua bahan buangan seperti urin, peluh, air buangan malah

nafas sekalipun dikumpul dan diproses untuk digunakan semula, adakah kaedah yang sama akan digunakan di bulan.

Nasa pula sedang menguji beberapa stesen angkasa Lunar Gateway dengan mengumumkan lima prototaip habitat ruang dalam baru dan akan mengujinya. Ia akan membolehkan angkasawan hidup dan bekerja di Gateway, kapal angkasa pertama yang dirancang untuk tinggal di orbit sekitar bulan.

Hasrat manusia itu kata Mazlan, tidak pernah pudar untuk terus meneroka kebaikan manusia yang akan memberi manfaat dalam pelbagai bidang.

Malah katanya, sejak Apollo 11 dilancarkan, perkembangan sains angkasa begitu pantas.


"Penerokaan ke angkasa mendorong manusia mempelajari banyak disiplin ilmu bagaimana mereka menentukan navigasi kapal angkasa menggunakan fizik dan matematik begitu juga komunikasi yang memerlukan berlaku pada masa nyata," ujarnya.

Katanya, hasrat Nasa yang merupakan agensi penyelidikan AS yang dianggap paling maju di dunia menerima peruntukan RM320 bilion setahun bukan cakap-cakap kosong.

Sebab itu hasrat kerajaan negara berkenaan untuk mendarat di Marikh tidak pernah pudar. Ketika pentadbiran Barack Obama, beliau mengumumkan akan menghantar misi ke Marikh dan ketika pentadbiran Donald Trump, negara tersebut berhasrat menghantar angkasawan wanita pertama ke bulan.



MAZLAN OTHMAN



MALAYSIA pernah mencipta sejarah dalam bidang sains angkasa apabila menghantar satelit RazakSat ke angkasa lepas pada 2009.

Perlu hasrat yang jelas

MALAYSIA perlu menetapkan hasrat jika ingin bersaing dalam bidang sains angkasa. Sejak Program Angkasawan Negara pada 2007, Malaysia tidak lagi mempunyai program yang berkaitan sains angkasa meskipun mempunyai agensi seperti PUSAR Remote Sensing dan syarikat pembuat satelit seperti **Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB)**. **Datuk Dr. Mazlan Othman** berkata, selepas program tersebut tidak ada yang dapat dicapai dalam sains angkasa selain



penghantaran satelit RazakSat pada 2009. Mungkin Malaysia perlu merancang membangunkan semula industri angkasa, tetapi itu tertakluk kepada tiga faktor.

Ia adalah kepakaran sains, mempunyai rangkaian politik antarabangsa dan kemahuan politik.

"Kita boleh ada visi dan kena ada kepakaran untuk menggerak visi. Kalau tidak tahu apa teknologi yang ada, tidak ada dalam politik antarabangsa dan rangkaian kerjasama antarabangsa, kalau tidak ada satu daripada ketiga-tiga ini, tidak jadi," ujarnya.

Ilmu sains angkasa

perlu kerana ia mampu menjana minat pelajar dalam bidang sains termasuk Sains Teknologi, Kejuruteraan Matematik (STEM) dan Sains Teknologi, Kejuruteraan Seni dan Matematik (STEAM).

Sains angkasa perlu menyokong kepada pelbagai polisi lain termasuk bidang pertanian dan sebagainya. "Saya sokong sebab (bidang) angkasa menakjubkan, bukan semata-mata hendak ke bulan, tetapi generasi muda harus mencabar diri mereka untuk ke bulan atau letak satelit di angkasa," ujarnya.

Terlibat dalam sains angkasa bukan satu pembaziran kerana impaknya akan ada dan semua pihak perlu tahu bahawa banyak inovasi dan kegunaan di bumi adalah hasil daripada teknologi angkasa lepas.

"Kita boleh merancang membina satelit sendiri seperti MEASAT yang dibina dengan kepakaran sendiri supaya dapat menjana minat dalam sains angkasa dan dapat digunakan oleh rakyat. Ini kerana Malaysia sudah memiliki kemudahan stesen di Sungai Lang, Banting, Selangor .

"Malaysia juga sudah merangka polis angkasa lepasnya, namun sehingga kini belum dilancarkan," katanya.

GAMBAR fail Nasa menunjukkan kru angkasawan Apollo 11 (dari kiri) Neil Armstrong, Michael Collins dan Edwin E. 'Buzz' Aldrin yang dirakam di Kennedy Space Center pada 30 Mac 1969.



LAMPIRAN 5
 NEW STRAITS TIMES (NATION): MUKA SURAT 11
 TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha speaking at the Journey To Space programme at SMK Seri Jempol yesterday. PIC BY ABNOR HAMIZAM

'BE CREATIVE'

Astronaut urges teachers to get more students interested in Science

JEMPOL: Science subjects in schools must be empowered in accordance with the country's aspiration to excel in space exploration.

Malaysia's first astronaut, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, said many students were not interested in the subjects.

He urged teachers and schools

to be creative and change their teaching methods to attract students.

"If not, the country will have problems.

"I don't know how we can produce astronauts, doctors and scientists if students are not interested in Science," he said at the Journey To Space programme at SMK Seri Jempol here.

A total of 800 students in Jelebu, Kuala Pilah and here took part in the programme, held in conjunction with the school's Science, Technology, Engineering and Mathematics Carnival.

Present were SMK Seri Jempol principal Mazlan Yaakub and its Parent-Teacher Association president Zaidi Jusoh.

Dr Sheikh Muszaphar said he would not think twice about taking part in another space expedition.

He said he had fond memories of being part of a team that went to International Space Station.

"The memories are still fresh although the exploration took place 12 years ago.

"Because of that, I'm willing to

go to space again, even if it is only a one-way ticket."

He said astronauts needed to master the sciences.

He said without them, it was impossible to become an astronaut.

He said he was not aware of the second astronaut programme, which was expected to be held by 2030.



LAMPIRAN 6
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

'Seorang di bot, dua atas pontun'

■ Kakitangan KSSB sahkan lihat individu tumpahkan minyak diesel di Sungai Selangor

Khairul Azran Hussin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang kakitangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengesahkan melihat beberapa individu yang bertanggungjawab menumpahkan minyak diesel di Sungai Selangor.

Dia yang enggan dikenali berkata, kejadian itu berlaku antara jam 5.30 hingga 6 petang, Ahad lalu, ketika sedang meninjau keadaan di kawasan itu.

"Saya melihat seorang individu berada dalam bot manakala dua lagi di atas pontun. Sebaik menyedari kehadiran saya, mereka melarikan diri," katanya, semalam.

Ditanya kenapa minyak diesel dibiarkan di pontun walaupun tidak digunakan, dia berkata, minyak itu adalah stok simpanan jika pontun digunakan untuk pengorekan pasir.

"Pontun ini memang tidak digunakan buat masa ini. Namun, minyak yang diletakkan di pontun ini sentiasa dijaga serta ditutup.

"Kita sentiasa berhati-hati kerana sedar jika berlaku



SUNGAI Selangor yang menjadi sumber utama air minuman terus dicemari sampah sarap.

tumpahan minyak walaupun sedikit, ia akan memberi kesan kepada bekalan air.

"Pihak LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) pun selalu ingatkan berhubung isu (tumpahan minyak)

ini," katanya. Mengulas lanjut, katanya, polis sudah memanggilnya untuk memberi keterangan

pada Isnin lalu. "Saya adalah individu pertama yang buat laporan polis berhubung kes ini.

"Keesokannya saya sekali lagi dipanggil memberi keterangan kepada polis," katanya.



LAMPIRAN 7
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
 TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Polis belum buat sebarang tangkapan

Shah Alam: Polis sudah mengambil keterangan beberapa individu bagi membantu siasatan dakwaan sabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Bagaimanapun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat berkata, buat masa ini, polis belum membuat sebarang tangkapan berhubung kes berkenaan.

“Apa yang boleh saya katakan polis sedang menjalankan siasatan...Siasatan masih dilakukan,” katanya, semalam.

Ditanya berhubung dakwaan tiga individu yang memancing di pontun kawasan itu menjadi punca pencemaran Sungai Selangor, Fadzil berkata, polis menjalankan siasatan daripada semua sudut berhubung kes itu.

“Saya sekali lagi menegaskan

kan polis sedang menjalankan siasatan...Kami sedang siasat,” katanya.

Isnin lalu, Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin dilaporkan berkata, tiga individu yang memancing di pontun milik kontraktor Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dipercayai menjadi punca pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor.

Noor Azam dipetik berkata, berdasarkan laporan polis yang dibuat KSSB, mereka mendakwa ada tiga memancing di kawasan pontun

itu beberapa hari sebelum pencemaran berlaku.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dipetik berkata, polis akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pihak disyaki terbabit kes mensabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Abdul Hamid di-

lapor berkata, kes itu perlu disiasat dengan undang-undang paling tegas kerana ia membabitkan kepentingan awam.



Saya sekali lagi menegaskan polis sedang menjalankan siasatan...Kami sedang siasat”

Fadzil Ahmat

LAMPIRAN 8
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 64
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



ZAKRI ABDUL HAMID

CHANGE FOR THE BETTER

CULTURAL AND SPIRITUAL TRANSFORMATION NEEDED

The monumental environmental challenges we face today are largely due to self-centred human behaviour

As a panellist at a forum — “Smart Environment: A Challenge for Digital Cities” at the Multimedia University (MMU) in Cyberjaya last week, I struggled with the first question thrown by the moderator, Dr Alan Downe to us: “What do you each see as the biggest environmental challenge facing city developers and residents today?”

My mind turned to a comment I heard once from Gus Speth, a US adviser on climate change, former dean of the Yale School of Forestry and Environmental Studies, and a former Administrator of the UN Development Programme:

“I used to think that the top environmental problems were biodiversity loss, ecosystem collapse and climate change. I thought that thirty years of good science could address these problems. I was wrong. The top environmental problems are selfishness, greed and apathy, and to deal with these we need a cultural and spiritual transformation.”


“And we scientists don’t know how to do that.”

In other words, even if armed with an avalanche of data and scientific information, nothing changes if city fathers and citizens aren’t moved to take action.

Earth scientists collect and analyse information on topics such as biodiversity loss, ecosystem collapse and climate change. We take a systematic, logical approach to discovering how things in the universe work.

The word ‘science’ itself is derived from a Latin word, *scientia*, defined as knowledge based on demonstrable and reproducible data — measurable results arrived at through testing and analysis.

In short: science is based on facts. We have always assumed that people would understand and appreciate the problems and act accordingly, taking the necessary actions when they are pre-



Even if armed with an avalanche of data and scientific information, nothing changes if city fathers and citizens aren’t moved to take action. PIC BY MUHD ZAABA ZAKERIA

sented with the stark reality of these looming calamities. But for many decades nothing much has happened.

As noted by several observers, most people continue to live their lives as normal; they have done little or nothing to address climate change issues. Indeed, many people continue to deny the very validity of the scientists’ claims.

And it surely doesn’t help when the leader of the US, the world’s largest economy, ignores the science, announces the withdrawal of his country’s signature on the world’s climate agreement signed in Paris, having declared that global warming is a foreign conspiracy.

As Speth stresses it, science has no answer to “selfishness, greed and apathy”. Not many people would voluntarily trade their standard of living for less, although we know that we are living in a very inequitable world.

For example, developed countries use more than their share of resources. The average American uses 20 times the energy of a Costa Rican and 70 times that of a Bangladeshi.

The world’s richest one billion people use 80 per cent of the world’s resources. That means, the other seven billion plus people use only 20 per cent of the

world’s resources.

Sustainable Development Goal (SDG) #12 (Responsible Consumption and Production) of the 17 Global Goals agreed to by heads of governments in 2015 at the United Nations talks about promoting resource and energy efficiency, sustainable infrastructure, and providing access to basic services, green and decent jobs and a better quality of life for all.

Its implementation helps to achieve overall development plans, reduce future economic, environmental and social costs, strengthen economic competitiveness and reduce poverty.

When Speth talks about the need for a “spiritual and cultural transformation”, he has in mind a paradigm shift in our attitude towards caring for the environment while we concurrently pursue economic development and social well-being.

There should be a cultural or spiritual underpinning to this. Here I would argue that the attitudinal transformation must be embedded in the concept of ‘sejahtera’, or socio-economic well-being, introduced by Tan Sri Dzulkifli Razak, rector of the International Islamic University of Malaysia. I would go one step further and enlarge understanding of “sejahtera” to add environmental consciousness and con-

sideration to socio-economic well-being.

Hence we would achieve a state of balance between the three pillars of sustainable development: economy, society and environment.

Dzulkifli pointed out that *sejahtera* is primarily spiritual in nature, embracing both emotions and ethics, a notion too often left out in common understanding of the word.

Its basic framework is defined by values and virtues — the very opposite of “selfishness, greed and apathy”.

The monumental environmental challenges we face today are largely anthropogenic in nature, and largely due to our self-centred human behaviour.

Earth scientists are essential guides to the identification of current conditions, drivers of change, trends, future scenarios and potential solutions, but notorious in their inability to move mountains.

It is fitting, therefore, that we reassess our approach to setting things right and engaging the many branches of social science as well to help foster an overdue cultural and social transformation.

The writer is pro-chancellor of Multimedia University

Here I would argue that the attitudinal transformation must be embedded in the concept of ‘sejahtera’, or socio-economic wellbeing, introduced by Tan Sri Dzulkifli Razak, rector of the International Islamic University of Malaysia.



LAMPIRAN 9
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 43
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Tanah runtuh ragut 13 nyawa di China

BEIJING - Sekurangnya 13 orang terbunuh, manakala 35 lagi masih hilang selepas hujan lebat menyebabkan satu kejadian tanah runtuh di wilayah Guizhou, barat daya China, menurut kerajaan semalam.

Anggota penyelamat berjaya menyelamatkan 11 mangsa lain selepas satu aliran lumpur menenggelamkan 21 buah rumah di sebuah perkampungan di daerah Shuicheng malam kelmarin, kata Kementerian Pengurusan Kecemasan dalam satu kenyataan di media sosial Weibo.

Satu rakaman video oleh stesen penyiaran negara, *CGTN* menunjukkan sebahagian besar kawasan sebuah



GAMBAR menunjukkan kejadian tanah runtuh di sebuah kawasan bukit di Liupanshui, wilayah Guizhou semalam.

bukit dilitupi lumpur tebal dan beberapa buah jentera pengorek menjalankan kerja-kerja menggali di sisa runtuhan. Beberapa ambulans turut berada di lokasi kejadian.

Kira-kira 560 petugas penyelamat masih berusaha menggali dan mencari mangsa-mangsa bencana, menurut kenyataan tersebut.

Presiden China, Xi Jinping meminta supaya satu

'siasatan terperinci' dilakukan berhubung pengurusan bencana dan banjir untuk mengurangkan impak kemusnahan lebih besar, kata kementerian itu.

Tanah runtuh merupakan ancaman yang kerap berlaku di kawasan pedalaman dan pergunungan China, khususnya selepas hujan lebat. Beberapa kawasan besar di negara itu turut dilanda banjir besar sepanjang tahun ini.

Satu lagi kejadian tanah runtuh berlaku di kawasan projek tapak pembinaan di sebuah perkampungan di daerah Hezhang, Guizhou kelmarin dan menyebabkan seorang mangsa terbunuh, manakala enam lagi hilang, kata pentadbiran daerah tersebut. - AFP

LAMPIRAN 10
 UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 40
 TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Eropah sekali lagi diancam gelombang haba

PARIS 24 Julai - Bandar Bordeaux di Perancis dilaporkan mencatatkan suhu paling tinggi dalam sejarah semalam ketika bahagian barat Eropah dijangka dilanda gelombang kedua cuaca panas minggu ini.


Lapor BBC, perkhidmatan cuaca kebangsaan, Meteo France merekodkan bacaan suhu tertinggi 41.2 darjah Celcius di barat daya bandar itu mengatasi rekod pada 2003, 40.7 darjah Celcius.

Menurut agensi kaji cuaca, Eropah pada minggu ini diramal mengalami cuaca panas yang memecahkan rekod termasuk di Belgium, Jerman dan Belanda.

Jurucakap Pertubuhan Meteorologi Dunia, Claire Nullis berkata, fenomena gelombang haba itu disebabkan faktor perubahan iklim.

"Seperti dilihat pada Jun lalu, suhu panas menjadi lebih kerap, bermula dari awal dan menjadi terlalu panas."

"Ini bukan masalah yang akan hilang begitu sahaja," katanya.



PERAMAL kaji cuaca meramalkan, Eropah bakal mencatat 'rekod baharu' suhu panas pada minggu ini, termasuk Belgium, Jerman dan Belanda. - AGENSI

Kebanyakan kawasan di Perancis mengeluarkan amaran jingga, tahap amaran kedua tertinggi.

Sementara itu, Meteo France meramalkan suhu di Paris mungkin mencatatkan rekod baharu, esok, kali terakhir sejak 1947 dengan catatan suhu 40.4 darjah Celcius.



ORANG ramai menyejukkan badan di kawasan air pancut di Place de la Bourse, Bordeaux. - AGENSI


LAMPIRAN 11
KOSMO! (K2): MUKA SURAT 22
TARIKH: 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

LAMAN GLOBAL

BEKALAN makanan dan air merupakan cabaran utama memternak haiwan di Kenya.



TELEFON bimbit membantu pastoralis mendapatkan ramalan cuaca.



PERUBAHAN iklim menyebabkan cuaca di Kenya tidak menentu.

Teknologi penentu migrasi Kenya

SELAMA beberapa dekad, Kaltuma Hassan dipertanggungjawabkan mengkaji langit di utara Kenya bagi mengesan tanda-tanda hujan.

Dia perlu mengenal pasti kelajuan angin, jenis awan yang terbentuk di langit bagi mengelakkan haiwan ternakan kekeringan air.

Ada ketikanya, langit membawa harapan palsu kepada Kaltuma terutamanya pada musim kemarau.

Pada waktu tersebut, sungai bertukar kering, rumput mula mati, debu berterbangan dan bangkai kura-kura di merata tempat.

"Ini adalah kehidupan yang sukar," ujar Kaltuma ketika ditemu bual di Marsabit iaitu sebuah kawasan yang jarang berlaku kemarau.

Berjuta-juta keluarga di Marsabit bergantung sepenuhnya kepada aktiviti penternakan haiwan untuk meneruskan kelangsungan hidup.


Dia sudah mula berputus asa. Kini, ramalan hujan wanita berusia 42 tahun itu bergantung sepenuhnya kepada khidmat pesanan ringkas (SMS) yang diterima daripada firma teknologi Kenya bagi merancang migrasi penduduk.

La nampak mudah, namun boleh menjejaskan kehidupan masyarakat bagi menyesuaikan diri dengan peningkatan cuaca ekstrem.

Masyarakat nomad yang menjalankan aktiviti penternakan di kawasan kering di Afrika Timur telah mengalami kebolehubahan iklim selama beribu-beribu tahun.

Mereka sentiasa berusaha tanpa henti mencari kawasan yang mempunyai bekalan air dan padang rumput di kawasan paling tandus di dunia itu.

Bagaimanapun, daya tahan masyarakat yang turut dikenali



SYARIKAT insurans menawarkan bantuan kepada para petani nomad yang terjejas akibat cuaca.

sebagai pastoralis itu diuji dengan teruk akibat perubahan iklim dunia.

Hal ini memaksa mereka tidak lagi menggunakan kaedah tradisional yang diturunkan dari generasi ke generasi.

Kekeringan melampau

Menurut Bank Dunia, Kenya menghadapi kekeringan melampau setiap tiga atau lima tahun.

Sejak kebelakangan ini, fenomena itu semakin kerap berlaku dan suhunya juga kian meningkat.

Dengan perubahan tersebut, Kaltuma tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada 'pahlawan' yang pernah ditugaskan untuk mencari kawasan terbaik untuk ternakan.

"Mereka bangun pada awal pagi untuk melihat awan dan bulan sebelum membuat ramalan cuaca.

"Kini, saya menggunakan ini," katanya sambil melihat kemas kini ramalan cuaca menerusi khidmat pesanan ringkas pada telefon bimbitnya.

Ramalan tersebut diperoleh daripada firma perisikan pertanian Amerika Syarikat, aWhere bagi

memudahkan Kaltuma mengetahui waktu hujan di tempatnya sepanjang minggu.

Kemudian, dia akan mengebahkannya menerusi SMS menerusi telefon bimbit kepada para pastoralis yang tinggal di kawasan pedalaman.

Firma teknologi maklumat Kenya, Amfratech telah melancarkan khidmat SMS dengan versi yang lebih canggih pada awal tahun ini.

Syarikat tersebut berharap untuk menarik lebih ramai masyarakat pastoralis menggunakan aplikasi tersebut.

Organisasi Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam laporan 2018 mengandaikan, kekeringan bakal menjadi penentu masa depan keluarga pastoralis.

Gelombang panas secara berterusan boleh menyebabkan mereka keletihan dan kelaparan.

Krisis berkenaan telah merebak di utara Kenya dan rantau gersang berdekatan.

Musim hujan yang dijangka pada tahun ini tidak berlaku sekali


gus memaksa berjuta-juta orang penduduk berdepan risiko kematian akibat kebuluran.

Rangkaian Sistem Amaran Awal Kebuluran telah memberi amaran bahawa penduduk yang bergantung kepada haiwan ternakan berpotensi mengalami masalah kebuluran pada bulan-bulan mendatang.

"Hujan tidak berlaku seperti yang dijangkakan. Lebih sukar mencari padang rumput dari tahun ke tahun," ujar Nadura Pokodo yang tinggal di Merille iaitu kawasan pedalaman masyarakat pastoralis terbesar di Kenya.

Selepas mendapati hujan tidak turun, lelaki berusia 55 tahun itu mengambil keputusan untuk mengembara selama beberapa hari antara Mac dan April bagi mencari tanah rumput.

Malangnya, dia tidak menemui kawasan hijau. Pokodo kehilangan 20 ekor kambing dan biri-biri sekali gus membawa kerugian kepada golongan nomad sepertinya. - AFP



KENYA terletak di sebelah timur benua Afrika.